

08 MAR 1999

Abdullah-Brunei

M'SIA SETUJU BANTU BRUNEI ANJURKAN SUKAN SEA KE-20

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Kerajaan Malaysia bersetuju memberi kerjasama kepada Brunei dalam menganjurkan Sukan SEA ke-20 di negara itu Ogos ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya bentuk kerjasama yang akan diberi melibatkan segala aspek pengurusan temasya sukan itu yang akan berlangsung antara 7 dan 15 Ogos.

"Saya diberitahu bahawa untuk tujuan ini, sebuah jawatankuasa penyelaras telah diwujudkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Pengiran Muda Mahkota Brunei Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Sultan Hassanal Bolkiah di sini.

Abdullah berkata perbincangan mereka juga menyentuh bidang pendidikan dengan kemungkinan lebih banyak rakyat Brunei datang ke Malaysia untuk belajar.

"Mengikut Tuanku tadi, pelajar-pelajar Brunei memang berkata Malaysia sudah menjadi destinasi yang popular sejak dulu lagi," katanya.

Mereka juga membincangkan soal kerjasama secara umum antara Kuala Lumpur dan Bandar Seri Begawan dalam pelbagai bidang seperti pelaburan dan ekonomi.

Putera Mahkota Brunei yang memulakan lawatan ke Malaysia Sabtu lepas, hari ini mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, melawat Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan meluangkan masa menikmati keindahan menara Berkembar Petronas yang merupakan bangunan tertinggi di dunia.

Lawatan baginda dibuat atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia berakhir Rabu ini.

-- BERNAMA

MAM WAT